

05 FEB 1998

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS KE THAILAND UNTUK BERBINCANG MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Thailand hari ini bagi lawatan sehari sebagai sebahagian daripada lawatan serantaunya untuk membincangkan krisis ekonomi dengan rakan-rakan pemimpin Asean.

Dr Mahathir yang melawat Jakarta bulan lepas untuk mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto, akan bertemu Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai sebaik tiba di Bangkok.

Dari Bangkok beliau yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali akan berlepas ke Manila esok untuk satu lagi kunjungan sehari, mengadakan perbincangan serupa dengan Presiden Filipina, Fidel Ramos.

Dr Mahathir akan menamatkan lawatan pada Sabtu dengan satu pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong. Kedua-dua Perdana Menteri telah mengadakan perjumpaan di Johor pada 20 Jan, lepas.

Selain membincangkan krisis ekonomi, para pemimpin itu dijangka memberi perhatian kepada persoalan mengenai cara meningkatkan perdagangan antara Asean menggunakan mata wang sendiri yang telah mereka persetujui semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini pada, Disember.

Ini bertujuan mengimbangi kesan ekonomi mereka daripada kejatuhan nilai mata wang Thailand, Indonesia dan Malaysia berbanding dolar Amerika sejak krisis mata wang bermula Julai lepas.

Setiausaha Luar Filipina Domingo Saizon berkata di Manila, hanya Malaysia, Filipina dan Thailand buat permulaan akan terlibat dalam menggunakan mata wang sendiri bagi urus niaga serantau.

Satu perjanjian yang menggariskan mekanisme skim itu dijangka dikemuka dan diluluskan semasa mesyuarat gabenor bank-bank pusat negara Asean di Indonesia bulan ini.

Setiausaha Perdagangan Filipina Cesar Bautista berkata Indonesia memilih tidak menyertai rancangan itu kerana ketidakpastian dan naik turun nilai rupiah yang menjadikan mata wangnya paling tidak stabil di rantau ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berlepas ke Jakarta selepas Dr Mahathir bertolak.

Anwar akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto sebagai susulan kepada perbincangan Dr Mahathir dengan pemimpin Indonesia itu pada 17 Jan lepas.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Mar'ie Muhammad sebelum pulang malam ini juga. --

BERNAMA

ARA NN RON